

KONSEP TAAKULAN AKHLAKIYAH BAGI KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM : KEARAH KEMENJADIAN INSAN

Zana Roslina Ujang
Zaharah Hussin

Fakulti Pendidikan Universiti Malaya

ABSTRAK

Pemikiran kritis merupakan isu penting dalam melahirkan modal insan bersifat holistik. Sistem pendidikan di seluruh dunia turut menekankan *critical thinking skills* sebagai persediaan menghadapi cabaran abad ke 21. Justeru itu, transformasi pendidikan yang berlaku di negara kita telah memberi fokus kepada konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pedagogi guru dan pembelajaran murid. Objektifnya melahirkan murid yang berupaya mengaplikasi ilmu, kemahiran dan nilai dalam situasi yang pelbagai. Namun, pelaksanaan KBAT oleh guru Pendidikan Islam (GPI) dalam sesi pengajarannya didapati tidak meransang daya fikir murid dan lebih berorientasikan peperiksaan. Natiujahnya, cara murid berfikir tidak mampu memandu hidup mereka mengikut falsafah Islam disamping gagal menyelesaikan masalah kehidupan mengikut Al Quran dan As Sunnah. Berikutan itu, kertas kerja ini membincangkan konsep Taakulan Akhlakiah sebagai satu inovasi kepada KBAT. Metodologi kajian yang digunakan adalah analisis dokumen berkaitan kajian - kajian lepas dengan memberi penekanan kepada keupayaan berfikir oleh akal menurut Islam. Perbincangan turut memberi fokus bagaimana elemen taksonomi akal Ibnu Khaldun dan teori akhlak Al Ghazali dapat memberi penambahbaikan kepada model Taksonomi Bloom yang digunakan selama ini. Implikasi kajian diharap dapat menyumbang kepada kualiti pendidikan Islam yang syumul sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam iaitu untuk melahirkan murid yang bertaqwa, berilmu dan berakhlak mulia.

Kata kunci : akal, akhlak, kemahiran berfikir kritis, seimbang, taakul, falsafah pendidikan Islam

ABSTRACT

Critical thinking is an important issue in generating human capital. Educational systems around the world also emphasize a critical thinking skills in preparation for the challenges of the 21st century. Hence, the transformation of education in our country has focused on the concept of high-level thinking skills (KBAT) in teacher pedagogy and student learning. The objective is to produce students who are able to apply knowledge, skills and values in diverse situations. However, the implementation of the KBAT by the Islamic Education teacher (GPI) becomes more examination based orientation. As a result, students are unable to follow the teaching of Islamic philosophy. Consequently, this paper discusses the concept of Taakulan Akhlakiah as an alternative to solve this problems. The methodology used in this study is the analysis of documents related to the previous studies and emphasizes the thinking ability of the mind according to Islam. The discussion also focuses on how Ibn Khaldun's taxonomic element of mind and Al Ghazali's moral theory can provide improvements to Bloom's Taxonomy model. The implications of the study are expected to contribute to the quality of Islamic education that is symmetrical in line with the goal of Islamic Education Philosophy.

Key words: intellect, morals, critical thinking skills, balanced, taqwa, Islamic education philosophy

1.0 PENGENALAN

Keperluan menguasai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) menjadi fokus penting dalam sistem pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah dewasa ini. Tujuannya bagi melahirkan individu mahir yang kreatif dan inovatif agar mampu bersaing di peringkat global. Pembudayaan KBAT di sekolah diharap dapat meransang tahap operasi kognitif pelajar sehingga mereka mampu menguasai pelbagai kemahiran abad ke 21 yang lain seperti kemahiran menaakul dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, kemahiran hidup dan kerjaya serta kemahiran nilai yang merangkumi aspek kerohanian, integriti dan sebagainya. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014)

Menurut (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2003), Edward de Bono, pelopor kepada pemikiran lateral pernah menyatakan bahawa pemikiran tradisional menyebabkan kemajuan di negara Barat bergerak perlahan. Sepatutnya Barat sudah maju 300 tahun ke hadapan sekiranya mereka tidak mengamalkan cara berfikir ciptaan Socrates. Justeru, aliran pemikiran lateral Edward de Bono ini menjadi polemik bukan sahaja di negara Barat malahan di peringkat global sebagai asas penting ke arah penjaan idea baru dan inovatif. Umumnya, negara yang ingin maju dalam pelbagai sektor perlu didokongi oleh rakyat yang berfikiran kritis. Ini adalah selaras dengan aspirasi Wawasan 2020 yang ingin melahirkan masyarakat

berpengetahuan, berketrampilan dan berfikiran kreatif dan kritis (KBKK) (Nor Hasmiza Hasan & Zamri Mahamod, 2016). Selain itu, ucapan Y.A.B. Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad, pada masa itu merupakan Perdana Menteri Malaysia, pada 7 Januari 2002 di majlis pelancaran *Wings of Creativity* terbitan LimKokWing Institute di Palace of Golden Horses, Kuala Lumpur, berkata bahawa:

“The greatest asset of any nation is the creativity of its people”
(Mohd Yusof Hasan, 2007)

Dalam konteks sistem pendidikan tanahair, aplikasi KBAT adalah lanjutan dari KBKK yang diperkenalkan pada tahun 1993. Pelaksanaan ini bersumberkan model taksonomi Bloom yang mempunyai enam aras pengelasan kognitif iaitu a) pengetahuan, b) kefahaman, c) aplikasi, d) analisis, e) sintesis dan f) penilaian. Ianya mengandungi perkembangan aras pemikiran dari aras rendah kepada aras tinggi dan dinyatakan melalui ciri tingkahlaku yang spesifik (Noor Rohana Mansor, 2009). Terkini, semakan hierarki taksonomi Bloom oleh Lori Anderson (1990) diguna pakai dan menjurus kepada penekanan konsep berfikir aras tinggi iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

Transformasi KBAT di Malaysia bermula ekoran Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang melaporkan prestasi negara dalam Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) menurun antara 1999 dan 2007. Disamping itu, keputusan Program Penilaian Antarabangsa (PISA) 2009 pula menunjukkan negara berada di kelompok sepertiga di bawah berbanding 74 negara lain. Dalam pada itu, Laporan Kajian Keperluan Perunding Kestrel Education (UK) dan 21st Century School (USA) pada 2 November 2011 pula mendapati tahap pemikiran murid dan guru di Malaysia adalah rendah dan guru tidak berupaya menyepadukan kemahiran berfikir dalam aktiviti P&P (Shamsazila Sa'aban, Muhammad Faizal Abd Ghani, & Ghazali Darusalam, 2017).

Pelaksanaan KBAT secara menyeluruh pada semua kandungan pembelajaran termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam dilaksanakan pada tahun 2011 apabila Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan bagi menggantikan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Seterusnya, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah bermula pada tahun 2017 dan pemerkasaan elemen KBAT lebih bersifat holistik dan menyeluruh. Kandungan pembelajaran Pendidikan Islam umpamanya telah memberi fokus kepada konsep aplikasi, penghayatan dan pengamalan dalam kehidupan seharian. Perubahan tingkahlaku dan pemikiran yang dihasratkan adalah seiring dengan tuntutan Al Quran dan As Sunnah sebagai sumber utama panduan hidup Muslim.

Justeru, peranan guru pendidikan Islam (GPI) sebagai nadi penggerak dalam usaha menerapkan kemahiran berfikir yang jitu di kalangan pelajar adalah penting agar kemahiran intelek, kognitif dan ilmu pengetahuan yang dikuasai mampu digarapkan berpandukan syariat Islam yang sebenar (Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim, 2016). Pernyataan ini disokong oleh model 5M iaitu GPI sebagai *mudarris, muaddib, murabbi, mursyid* dan *mu'allim* yang bukan sahaja menitikberatkan penghayatan ilmu malahan tanggungjawab mendidik bagi memastikan kecemerlangan akhlak untuk menjamin kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Dengan itu, matlamat Falsafah Pendidikan Islam akan tercapai sepenuhnya (Ab Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail, & Kamarul Jasmi Azmi, 2012, Zaharah Hussin, Ahmad Ariffin Sapar, & Ab Halim Tamuri, 2017).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Konsep, teori, model dan amalan pendidikan adalah dipengaruhi dengan kuat oleh beberapa teori psikologi pendidikan Barat seperti behaviorisme, kognitivisme, konstruktivisme, humanistik dan sebagainya. Dalam konteks perubahan dan pembangunan negara Islam, isu, dilema dan krisis intelektual ini adalah sebagai sekularisme dan dualisme dalam pendidikan (Nik Azis Nik Pa, 2015).

Sekularisme dalam pendidikan turut dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib Al Attas (1992) yang menyebut cabaran paling besar bagi umat Islam adalah cabaran ilmu yang pura-pura benar tetapi telah mendatangkan kekeliruan dan kekeliruan mendalam. Isu agama hanya merupakan teori dan peraturan sahaja dan pendukung falsafah barat tidak berasaskan wahyu dan kebenaran agama. Bagi mengatasi masalah ini, umat Islam perlu menggunakan kaedah pendidikan yang berasaskan keimanan dan tauhid kepada Allah swt.

Dalam konteks penerapan KBAT di kalangan pelajar sekolah terutama bagi kurikulum Pendidikan Islam, elemen mentauhidkan Allah swt perlu sentiasa ditekankan dalam proses berfikir pelajar. Peranan GPI adalah penting bagi menghalakan aliran pemikiran pelajar agar sentiasa berpandukan syariat Islam yang sebenar supaya tingkahlaku yang terhasil adalah berakhlak mulia.

Namun, beberapa dapatan kajian menunjukkan bagaimana guru kurang mahir menguasai KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran (pdp) di dalam kelas. Norliyen Ahmad, (2006) menjelaskan aktiviti pdp berpusatkan guru adalah dominan berbanding aktiviti berpusatkan murid dan tidak menyepadukan kemahiran KBKK dengan baik dan berkesan. Kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam juga dilihat tidak seiring berbanding subjek saintifik dan teknologi lain dan hal ini disokong oleh pelaksanaan Pendidikan Islam yang bersifat doktrin, rigid dan ketinggalan dari sudut menyediakan keperluan mendepani cabaran semasa (Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abd Razak, & Wan Ali Akbar, 2016).

Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan tahap pengetahuan, kesediaan dan tahap kefahaman guru terhadap KBAT adalah tinggi namun guru masih kurang menggunakan soalan aras tinggi di dalam kelas. Ini disebabkan kebiasaan guru menggunakan soalan aras rendah disamping sikap guru yang kurang membuat persediaan sebelum pdp berjalan (W.A. Wan Ismail, W.I. Muhamad, M.A.Lubis, & M.I.Hamzah, 2016). Teknik penyoalan merupakan elemen KBAT yang penting kerana soalan digunakan untuk menilai pemikiran pelajar. Penggunaan aras soalan tinggi dapat merangsang pemikiran pelajar dan pembelajaran menjadi lebih produktif (Noor Rohana Mansor, 2009).

Selain itu, amalan pendidikan negara juga lebih berorientasikan peperiksaan. Pemilihan pelajar dalam bidang pengkhususan di tingkatan empat dan lima menyebabkan pdp guru hampir berlaku secara eksklusif demi peperiksaan. Oleh itu amalan berfikir pelajar secara kreatif dan kritis adalah terbatas dan tidak berlaku refleksi mendalam terhadap pembelajaran disamping bebanan guru untuk menyelesaikan sukatan dengan sewal yang mungkin.

Timbul persoalan bagaimana pula acuan gaya berfikir yang cuba diterapkan GPI sebagai asas sandaran untuk pelajar berfikir apabila melihat pelbagai situasi dan permasalahan di sekeliling mereka? Pengkaji melihat aspek pendidikan akhlak wajar diinkluskikan ke dalam gaya pemikiran pelajar untuk memastikan kemenjadian mereka bukan sekadar pencapaian akademik sahaja malahan berupaya menyeimbangi tuntutan agama juga.

Menurut Baharom Mohamad, Ali Saradin, & Za'aba Helmi Khamisan (2008), penghayatan nilai pelajar berada di tahap sederhana dan rata-rata pelajar yang terlibat dengan gejala sosial gagal mematuhi peraturan sekolah. Pendapat ini turut disokong oleh Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ahuhary (2010) yang menyatakan beberapa kajian mendapati kurangnya pengetahuan akhlak dan kefahaman moral, penghayatan nilai murni yang tidak begitu menonjol, amalan nilai murni berada di tahap sederhana dan penghayatan akhlak yang lemah di kalangan pelajar sekolah.

Banyak kajian tentang permasalahan akhlak di kalangan pelajar sekolah telah dijalankan namun penyelesaian terhadap permasalahan ini melalui pendekatan kemahiran berfikir masih kurang dijalankan. Justeru, pengkaji merasakan adalah penting digabungjalinkan konsep berfikir kritis dengan cara berakhlak agar setiap tindakan, perlakuan dan penyelesaian masalah yang dibuat oleh pelajar bersandarkan ajaran Al Quran dan As Sunnah.

3.0 TUJUAN KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan kerangka konsep *Taakulan* Akhlakiyah yang akan dibangunkan oleh pengkaji. Kerangka konsep *Taakulan* Akhlakiyah ini didasari kepada strategi pengajaran guru berasaskan pemikiran Ibnu Khaldun dan teori pendidikan akhlak oleh Imam Al Ghazali. Kedua-dua teori pemikiran ini digabungkan sebagai satu penambahbaikan terhadap model kemahiran berfikir Bloom dan Anderson.

4.0 DEFINISI OPERASIONAL

4.1 TAAKULAN

Taakulan berasal dari kata dasar taakul. Proses menaakul pula adalah proses kemahiran berfikir secara kritis yang menggunakan pertimbangan logik bagi memahami sesuatu situasi mahupun sebarang idea (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2012)

Menurut (Aswati hamzah, 2010) proses menaakul merupakan satu tindak balas secara sedar yang menyebabkan manusia membuat ramalan daripada aktiviti pemerhatian, fakta dan andaian yang dibuat. Justeru, proses menaakul berhubungan dengan pengalaman, penguasaan ilmu yang berkaitan dan mampu mengekalkan daya ingatan, kreativiti serta mencari pelbagai penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi oleh individu.

Kemahiran penaakulan lazimnya dikaitkan dengan mata pelajaran Sains dan Matematik. Ianya bermatlamat agar pelajar boleh berfikir secara sistematik, analitis, kritis dan logik serta berkemahiran menyelesaikan masalah dalam kehidupan sebenar mereka. Kemahiran penaakulan juga biasanya dihubungkan dengan kemahiran menaakul secara saintifik yang melibatkan proses menaakul secara induktif dan deduktif (Mohd Eizuan Abu Hassan, Noor Shah Saad, & Mohd Uzi Dollah, t.t).

Kesimpulannya, kemahiran menaakul melibatkan proses berfikir aras tinggi dalam menjana pelbagai idea dan pertimbangan logik akal. Melalui kemahiran ini, seseorang itu mampu menyelesaikan sebarang permasalahan dalam situasi berbeza. Kemahiran ini juga amat penting bagi pelajar meneruskan kelangsungan hidup mereka setelah tamat alam persekolahan. Sebarang tindakan yang dibuat dan keputusan yang diambil perlu berpandukan akal yang sihat berasaskan panduan Al Quran dan As Sunnah.

4.2 AKHLAKIYAH

Akhlakiyah berasal dari perkataan akhlak. Menurut Al Ghazali, akhlak merujuk kepada sifat yang lahir secara mudah dan berbentuk spontan tanpa memerlukan penelitian tertentu. Ini bermaksud seseorang yang digelar berakhlak mestilah menzahirkan kelakuannya dengan ikhlas, tanpa dipaksa dan tidak mempunyai niat tertentu.

Menurut Nasir Omar (2010) pula, akhlak dari sudut teknikal mempunyai dua dimensi iaitu (a) kelakuan semulajadi dalam diri seseorang yang dipanggil fitrah seperti ketawa dan (b) kelakuan yang dilatih secara lazim sehingga menjadi satu kebiasaan. Oleh itu, akhlak mempunyai unsur dalaman namun ianya juga adalah satu kelakuan baik yang boleh dibina melalui latihan dan disiplin yang berterusan. Dengan adanya proses ini akan menjadi satu kebiasaan bagi seseorang itu untuk berakhlak mulia. Inilah proses yang boleh dilakukan oleh para guru dalam membina akhlak mulia murid.

Pendidikan akhlak pula bermaksud proses atau latihan mendisiplinkan aspek spiritual dan fizikal seseorang manusia yang melibatkan penguasaan ilmu dan perubahan personaliti ke arah akhlak mahmudah (Zaharah Hussin, Ahmad Ariffin Sapar, & Ab Halim Tamuri, 2017).

4.3 KEMAHIRAN BERFIKIR KRITIS

Terdapat pelbagai definisi berfikir dan berfikir secara kritis yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh pemikir sedia ada. (Beyer, 1988), mendefinisikan berfikir sebagai;

...mental technique or abilities that enable human beings to formulate thought, to reason out, or to judge.

Menurut Beyer, berfikir merupakan keupayaan mental yang ada pada manusia untuk membolehkan mereka berfikir untuk membentuk sesuatu konsep, memberi sebab dan akibat atau membuat keputusan tentang sesuatu perkara. Manakala Edward De Bono pula melalui konsep pemikiran lateral mengaitkan berfikir dengan pelbagai perspektif pemikiran seperti pembinaan idea baru, kaedah penyelesaian masalah mencari perbezaan penting dan sebagainya (Mohd Yusof Hasan, 2007).

Menurut kajian oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

5.0 PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEP TAAKULAN AKHLAKIYAH: STRATEGI PENGAJARAN BERASASKAN PEMIKIRAN IBNU KHALDUN

Kehebatan pemikiran Ibnu Khaldun dalam pelbagai bidang ilmu antaranya sejarah, sosiologi, politik, ekonomi dan pendidikan begitu terserlah melalui kitab Al Muqaddimah. Keunggulan kitab ini menyumbang kepada pelbagai epistemologi ilmu dan keaslian idea yang dihasilkan harus dimanfaatkan oleh tamadun Islam. Hal ini diperakui oleh Arnold Toynbee yang menyatakan Al Muqaddimah adalah sebuah karya agung yang tidak pernah dihasilkan oleh sesiapa pun, di mana-mana atau pada bila-bila masa pun;

“A philosophy of history which is undoubtedly the greatest work of its kind that has ever been created by any mind in any time or place”

(Ratna Roshida Abd Razak & Mohd Syarifudin Abdullah, 2006)

Ibnu Khaldun menjelaskan bagaimana kepentingan ilmu pengetahuan dapat mengangkat darjat manusia mengatasi binatang. Ini kerana manusia dikurniakan akal dan keupayaan berfikir yang dapat memelihara mereka dari gejala negatif dan tingkah laku tidak berakhlak. Semua ilmu pengetahuan yang dinamakan *ma'rifah* boleh diperolehi melalui pancaindera manusia yang turut dibantu oleh sifat ingin tahu yang dirujuk sebagai *idrak*. (Che Zarrina Sa'ari & Mohd Kamil Ab Majid, 2000).

Konsep *malakah* (bakat) yang dibahaskan merujuk kepada kemahiran dan kepintaran seseorang. Dalam konteks pengajaran guru, sifat *malakah* yang ada pada guru akan menjana kemahiran dan kepintaran anak didiknya jua yang akan mencetuskan *malakah*. Ibn Khaldun menghuraikan pengertian itu dengan menulis:

"Ini adalah kerana kepintaran dalam ilmu dan memahirkan diri serta menguasainya hanya akan berlaku apabila malakah terhasil dalam merangkumi prinsip dan kaedah ilmu serta menangani permasalahannya, sekiranya malakah itu tidak wujud, kepintaran dalam perkara yang diceburi itu tidak akan terhasil."

(Ibnu Khaldun, 1993)

Menurut Abd Munir Mohamed Noh (2010), Ibn Khaldun berpendapat, malakah boleh digapai melalui latihan menggunakan akal fikiran dan debat perbahasan di samping pertukaran pendapat, berdiskusi dan perbincangan. Pendapat Ibnu Khaldun ini adalah merujuk kepada penguasaan KBAT yang menggunakan kemampuan akal sepenuhnya bagi tujuan mencapai *malakah* tertentu.

5.1 JENIS-JENIS AKAL MENURUT IBNU KHALDUN

Konsep ilmu yang dikemukakan Ibnu Khaldun adalah komprehensif meliputi hubungan dengan wahyu, roh, akal dan pancaindera. Akal yang dimanfaatkan sepenuhnya mampu membawa manusia ke dalam kehidupan bermasyarakat yang sempurna. Akal juga berperanan berfikir tentang kekuasaan Penciptanya dan memahami tanggungjawab manusia sebagai khalifah di muka bumi. Namun, akal juga mempunyai batasan tertentu dalam perkara melibatkan tabiat, sifat Allah, alam metafizika dan hakikat kenabian (Che Zarrina Sa'ari & Mohd Kamil Ab Majid, 2000)

Falsafah pemikiran Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa akal mempunyai tiga tahap utama iaitu :

a) Tahap akal al - nazr (teori)

Berperanan sebagai pembuat teori-teori. Dengan kata lain, akal ini adalah kemampuan berfikir yang ada pada manusia yang akhirnya akan melengkapi manusia dengan ilmu pengetahuan. Menurut Ibn Khaldun akal ini akan menjadi akal sejati dan jiwa yang peka dan ia diertikan sebagai hakikat manusia.

b) Tahap akal al- tajribi (eksperimen)

Berperanan sebagai pencetus dalam melakukan eksperimen dalam hidup yang diperolehi melalui pengalaman-pengalaman. Akal ini merupakan keupayaan berfikir yang dapat memandu manusia tentang segala tingkah laku dalam hubungan kemasyarakatan.

c) Tahap akal al- tamyizi (pembeza)

Berperanan sebagai pembeza antara sesuatu dengan yang lain. Ianya dapat mengenal pasti maksud yang diperolehi melalui pancaindera dalam corak imaginasi. Dengan menggunakan akal ini manusia dapat meneroka kehidupan dan menjauhi perkara-perkara negatif. (Che Zarrina Sa'ari & Mohd Kamil Ab Majid, 2000).


5.2 MATLAMAT PENDIDIKAN MENURUT IBNU KHALDUN

Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan adalah aktiviti yang merangkumi kemahiran ilmu dan pembinaan akhlak. Ini dijelaskan oleh Ibnu Khaldun yang menyatakan bahawa manusia memperolehi ilmu

pengetahuan dan sifat-sifat terpuji melalui pengajaran dan pendidikan. Pendidikan juga merupakan proses pertumbuhan atau perkembangan (*al-Nasy'ah* dan *al-Tansy'ah*) yang berlaku secara berperingkat mengikut tahap kemampuan pelajar.

Selain itu, pendidikan juga adalah proses pembinaan (*al-Tabzib*) iaitu pembinaan akhlak dan jati diri, pembersihan diri dari sifat-sifat keji dan menggantikannya dengan sifat-sifat terpuji. (Abd Munir Mohamed Noh, 2010)

Justeru, matlamat pendidikan oleh Ibnu Khaldun adalah seperti rajah berikut :



Rajah 1 : Matlamat Pendidikan Ibnu Khaldun (Abd Munir Mohamed Noh, 2010).

Daripada beberapa matlamat yang digariskan oleh Ibnu Khaldun, jelas menunjukkan bahawa pendidikan mencakupi keperluan dan kepentingan kehidupan duniawi dan ukhrawi. Pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk melayakkan seseorang mendapat pekerjaan dan memenuhi tuntutan sosial semata-mata malahan dengan ilmu manusia dapat berfikir dengan waras dan seiring dengan kehendak syariat. Kehidupan di dunia juga merupakan bekalan yang perlu dicari dalam kehidupan manusia menuju akhirat.

5.3 STRATEGI PENGAJARAN BERKESAN MENURUT IBNU KHALDUN

Menurut kajian, beberapa kaedah dan teknik pengajaran Ibnu Khaldun boleh dijadikan garis panduan kepada para pendidik dalam menyampaikan ilmu kepada anak murid. Antara kaedah tersebut ialah;

d) Kaedah pandang dengar (*Talqin*)

Guru menyampaikan ilmu dan pelajaran dan murid menghafal. Bidang yang sesuai digunakan kaedah ini adalah pelajaran Al Quran dimana murid menghafal Al Quran sebelum mengetahui intipati yang terkandung dalam ayat tersebut. Namun Ibnu Khaldun juga sangat menitikberatkan pemahaman berbanding hafazan bagi memudahkan proses hafalan berjalan (Al Na'imy, 1994)

e) Pengajaran secara berperingkat (*Tadrij*)

Guru menyampaikan ilmu secara beransur-ansur dan berperingkat mengikut aras kesukaran ilmu tersebut. Dengan ini murid akan lebih memahami pelajaran dan ilmu yang disampaikan. Pendekatan cara ini menurut kaedah moden adalah pembelajaran masteri (Abd Munir Mohamed Noh, 2010).

f) Pengajaran secara berfokus

Guru menyatakan tajuk yang jelas kepada murid dan tidak mengajar kepada murid dua disiplin ilmu sekaligus. Ini bagi mengelakkan bebanan kesukaran oleh murid dalam memahami ilmu yang diajar gurunya.

g) Peniruan (Muhakah/Taklid)

Kaedah peniruan atau lakon semula dimana murid memindahkan pengetahuan yang diperolehi melalui pancaindera kepada perlakuan dan tingkah laku hasil daripada pemerhatian yang dilakukan. Pendekatan ini juga menurut kaedah pengajaran moden adalah kaedah simulasi. (Abd Munir Mohamed Noh, 2010)

h) Eksperimen (*Tajribah*)

Kaedah eksperimen atau percubaan penting dalam memindahkan ilmu dimana pengalaman dan penyaksian sangat berkait dengan pancaindera. Seseorang pemerhati dalam sesuatu kajian perlu melakukan percubaan untuk mengetahui kebenaran atau kepaluan secara nyata dan realiti (Al Na'imy, 1994).

i) Pengulangan (Tikrar)

Proses pengajaran dan pembelajaran yang mengambil kira pengalaman pembelajaran lalu dimana kadangkala murid sering lupa dan tidak memahami pembelajaran sebelumnya. Guru diminta mengulang-ulang semula pelajaran tersebut sehingga murid dapat menguasainya dengan baik dan tidak berpindah ke tajuk lain untuk mengelakkan murid terbeban dengan kefahaman pelajaran yang belum selesai (Abd Munir Mohamed Noh, 2010).

Kesimpulannya, kaedah pengajaran Ibnu Khaldun merupakan pencetus kepada beberapa kaedah pengajaran masa kini seperti kaedah simulasi, pembelajaran masteri dan kaedah eksperimen. Justeru, tidak dinafikan bahawa tokoh ini telah memberi sumbangan yang besar dalam dunia pendidikan.

6.0 PEMBANGUNAN KERANGKA KONSEP TAAKULAN AKHLAKIYAH STRATEGI PEMBINAAN AKHLAK MENURUT IMAM AL GHAZALI

Menurut Ab. Halim Tamuri dan M.Khairul Azman Ajuhary (2010), guru merupakan agen perubahan dan role *model* atau *qudwah hasanah* yang mencorak kualiti generasi muda akan datang. Fungsi guru begitu besar dalam menyediakan modal insan yang akan memegang peranan tertentu dalam masyarakat. Oleh itu, guru seharusnya melengkapkan diri dengan nilai-nilai profesionalisme dan strategi mendidik akhlak murid agar guru berupaya mewarisi tugas para rasul. Antara strategi membina akhlak menurut Imam Al Ghazali seperti berikut:

- j) Kaedah Riyadah dan Mujahadah
- k) Kaedah Tazkiyah Nafs
- l) Kardah Penghalangan

6.1 KAEDAH RIYADAH DAN MUJAHADAH

Riyadah bermaksud melakukan latihan iaitu mendidik jiwa dengan menempuh perkara yang bertentangan dengan kehendak nafsunya. (Azizah Zakaria, 2004). Manakala *Mujahadah* pula adalah kesungguhan dalam memperjuangkan cita-cita untuk membersihkan jiwa dari akhlak tercela. Latihan yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh mampu menjadikan sifat terpuji sebagai tabiat dan akhirnya seseorang itu akan melazimi perbuatan tersebut.

Imam Al Ghazali memperkenalkan kaedah *Mujahadah* (Perjuangan) dan *Riyadah* (Latihan) bagi membentuk individu berakhlak baik atau membuang akhlak buruk dalam diri, (Nasir Omar, 2010). Kaedah ini mendorong individu melazimi sesuatu perbuatan sehingga ianya menjadi satu tabiat dan merasa seronok untuk melakukannya. Justeru kesungguhan guru amat diperlukan dalam usaha mendidik akhlak murid sehingga sifat terpuji menjadi satu kelaziman dan tabiat yang mudah dilakukan.

6.2 KAEDAH TAZKIYYAH AL NAFS


Seterusnya proses membina akhlak boleh berlaku melalui *tazkiyah nafs* atau penyucian jiwa. Menurut Rijaluddin et.al (2014) dalam Tafsir Al Maudhu'iy menjelaskan bahawa terdapat dua proses penyucian jiwa iaitu (a) proses *Takballi* bermaksud proses pembersihan atau pengosongan jiwa dari sifat buruk dan (b) proses *Taballi* bermaksud proses penanaman jiwa dengan akhlak baik dan terpuji. Pembentukan akhlak mulia tidak akan dapat dilakukan dengan sempurna tanpa membuang sifat mazmumah dalam diri dan menggantikannya dengan sifat mahmudah untuk membersihkan hati seperti sifat hasad dengki digantikan dengan sifat berlapang dada dan ghibtah (gembira dengan nikmat orang lain

Menurut (Zaharah Hussin, Ahmad Ariffin Sapar, & Ab Halim Tamuri, 2017) proses penyucian jiwa memerlukan kepada amalan taubat disebabkan fitrah manusia yang sering kealpaan dan kekekaan. Firman Allah swt dalam surah As Syams, ayat 9-10 :

“Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan jiwa itu. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya”..

6.3 KAEDAH PENGHALANGAN

Kaedah penghalangan bermaksud menjauhkan seseorang dari faktor luaran dan dalaman yang boleh mempengaruhinya berakhlak buruk. Menurut Al Ghazali terdapat dua kategori penghalang yang besar dalam membentuk keperibadian berakhlak iaitu syahwat perut dan syahwat faraj (Zaharah Hussin, Ahmad Ariffin Sapar, & Ab Halim Tamuri, 2017) Justeru, manusia perlu mendidik dan mengurus keinginan yang ada dalam dirinya secara wajar dan terkawal. Ini kerana keinginan yang melampau batas berdasarkan kehendak syahwat manusia boleh menjadi penghalang untuk membentuk akhlak mulia. Berikut adalah rajah pembinaan akhlak menurut Imam Al Ghazali:



Rajah 2: Model Pembinaan Akhlak
(Zaharah Hussin, Ahmad Ariffin Sapar, & Ab Halim Tamuri, 2017)

Kesimpulannya, peranan guru dalam membina akhlak murid adalah elemen penting dalam proses pembelajaran murid. Membina akhlak mulia melalui proses *mujahadah* dan *riyadah*, proses *tazkiyah nafs* dan kaedah penghalangan merupakan kaedah yang boleh diguna pakai oleh guru.

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, peranan guru amat penting dalam memastikan penguasaan KBAT di kalangan pelajar adalah berjaya dan berkesan. Disamping itu guru perlu menerapkan elemen etika dan nilai murni dapat dididik dalam diri murid agar modal insan yang lahir mampu membangunkan ummah selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail, & Kamarul Jasmi Azmi. (2012). Komponen Asas Untuk latihan Guru Pendidikan Islam. CGAT, 53-63.
- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ahuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mua'llim. Journal of Islamic and Arabic Education, 2(1), 43-56.
- Abd Munir Mohamed Noh. (2010). Falsafah Pendidikan Menurut Ibnu Khaldun dan John Dewey : Kajian Perbandingan. Tesis sarjana : Universiti Malaya.
- Ainon Mohd, & Abdullah Hassan. (2003). Belajar Berfikir. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.

- Al Na'imy, A. (1994). *Kaedah dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun dan Al Qabisi*. (Mohd Ramzi Omar, Trans.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aswati hamzah. (2010). Analisis Terhadap Kemunculan Ellemen Taklid Dalam Pembentuka Skema Taakulan Akhlak. *Asia Pacific Jurnal of Educators and Education*, 1-20.
- Azizah Zakaria. (2004). *Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Etika Al Ghazali : Kajian di kalangan Pelajar UiTM Shah Alam*. Kuala Lumpur: Tesis sarjana: Universiti Malaya.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2012). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Baharom Mohamad, Ali Saradin, & Za'aba Helmi Khamisan. (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral Dalam membina Sahsia Pelajar Berkualiti. *Persidangan pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008* (p. t.t). Universiti Teknologi Malaysia.
- Beyer, B. (1988). *Developing A Thinking Skills Program*. United States Of America: Allyn and Bacon, Inc.
- Che Zarrina Sa'ari, & Mohd Kamil Ab Majid. (2000). Epistemologi Islam Menurut Ibnu Khaldun. *Jurnal Usuluddin*, 73-94.
- Hassan Langgulgung. (1979). *Falsafah Pendidikan Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Ibnu Khaldun. (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun*. (Dewan Bahasa dan Pustaka, Trans.) Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah*. Putrajaya. Retrieved from <https://www.moe.gov.my/images/WargaKPM/Guru/kbat/EBOOK.pdf>
- Mohd Eizuan Abu Hassan, Noor Shah Saad, & Mohd Uzi Dollah. (t.t). *Kemahiran Penaakulan Saintifik dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat dan Hubungannya dengan Stail Pengajaran Guru di Bilik Darjah*. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 2(2).
- Mohd Nasir Omar. (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Syaubari Othman, & Ahmad Yunus Kassim. (2016). Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *Online Jurnal Of Islamic Education*, 4(2), 23-35. Retrieved from <http://ojie.um.edu.my/>
- Mohd Yusof Hasan . (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Azis Nik Pa. (2015). Kembali Kepada Perspektif Bersepadu Sejagat Tentang Ilmu: Satu Model Kebolehan Berfikir Aras Tinggi. *Isu Dalam Pendidikan*, 1-48.
- Noor Rohana Mansor. (2009). *Soalan dan Penyoalan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Seri Kembangan Selangor: Percetakan Strikeway Sdn Bhd.
- Nor Hasmiza Hasan, & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 78-90.
- Norliyen Ahmad. (2006). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Kaedah KBKK dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pendidikan Islam dan Bukan Pendidikan Islam*. Bangi: Tesis Sarjana : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nursafra Mohd Zhaffar, Mohd Isa Hamzah, Khadijah Abd Razak, & Wan Ali Akbar. (2016). Ke Arah Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemikir Kritis. *Humanika*, 10-15.
- Ratna Roshida Abd Razak, & Mohd Syariefudin Abdullah. (2006). *Legasi Pemikiran Ibn Khaldun (1332-1395M) Dalam Dunia Pendidikan*. Seminar Kebangsaan Memperingati 600 Tahun Ibn Khaldun. Kuala Lumpur.
- Shamsazila Sa'aban, Muhammad Faizal Abd Ghani, & Ghazali Darusalam. (2017). Pelaksanaan Program I Think di Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : Satu Kajian Awal. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 72-99. Retrieved from <http://e-journal.um.edu.my/publish/JuPiDi>
- Syed Muhammad Naquib Al Attas. (1992). *Pemikiran Awal Tentang Sifat Ilmu dan Tafsiran dan Tujuan Pendidikan*. In Syed Muhammad Naquib Al Attas, *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam* (Shamsudin Jaapar, Trans., pp. 3-38). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- W.A. Wan Ismail, W.I. Muhamad, M.A.Lubis, & M.I.Hamzah. (2016). Kesediaan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah di Selangor Terhadap Penerapan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran . *Journal of Advanced Research and Applied Sciences and Engineering Technology*, 79-92.
- Zaharah Hussin, Ahmad Ariffin Sapar, & Ab Halim Tamuri. (2017). *Pendidikan Akhlak : Aanalisis dan Reka Bentuk Kurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.